

# PERANAN BAHASA DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-BUDAYA DAN EKONOMI MASYARAKAT MELAYU DI SINGAPURA

---

*Oleh: Mohamed Naim Daipi*

---

*Keindahan bahasa adalah sekunder.  
Latin, bahasa yang indah tidak berfungsi lagi  
apabila penuturnya kehilangan kedudukan  
dalam percaturan dunia.*

*Kedudukan sesuatu bahasa  
tidak bergantung kepada kesusasteraan purbanya.  
Aspek yang terpenting bagi kedudukan sesuatu bahasa  
sebenarnya bergantung kepada sikap penuturnya.*

*-S DHANABALAN*

---

## PENDAHULUAN

Bercakap tentang Peranan Bahasa dalam Pembangunan Sosio-budaya dan Ekonomi Masyarakat Melayu di Asia Tenggara seperti yang dikehendaki dalam majlis ini, saya bataskan kepada :

- \* bahasa yang diperkatakan adalah bahasa Melayu, bahasa yang kini dianggap bahasa hubungan di rantau ini,
- \* ruang lingkup perkembangannya di Singapura sahaja dan pengertian Melayu dalam konteks Singapura sahaja.

Berdasarkan batasan-batasan tersebut pula, penulis akan menyorot dua perkara berikut bagi perbincangan awal :

- \* sedikit tentang bahasa Melayu Singapura dalam perspektif sejarah. Penegasan akan dibuat dalam dwibahasa yang menjadi tunggak pertumbuhan dan perkembangan kepada setiap bahasa ibunda/bahasa rasmi di Singapura.
- \* sedikit tentang bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Singapura

Sekadar memperjelas pandangan, penulis beranggapan bahawa kemampuan bahasa Melayu untuk menggerakkan sosio-budaya dan ekonomi masyarakat Melayu Singapura, lebih banyak bergantung kepada sikap penuturnya.

## **BAHASA MELAYU DALAM DASAR DWIBAHASA DAN SISTEM PENDIDIKAN DI SINGAPURA**

Semenjak usulan Jawatankuasa Bersama Parti-parti Politik bagi mengkaji Pelajaran Tionghua pada tahun 1956, Singapura mengamalkan dasar berbilang kebudayaan dan berbilang bahasa. Bahasa-bahasa utama seperti bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris diberikan kedudukan yang sama rata. Dasar ini diperakukan bagi mengelakkan persengketaan kaum kerana pada waktu itu, perjuangan bagi membentuk dasar bahasa dan kebudayaan begitu kuat sekali.

Walaupun dalam keadaan sedemikian, bahasa Melayu diperakukan sebagai bahasa Kebangsaan pada 6 Jun 1959, sewaktu Singapura mendapat taraf berkerajaan sendiri dalam negeri.

Apabila Singapura berundur dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965, soal penakatan (survival) menjadi cabaran. Dasar pragmatis pun diamalkan untuk memanfaatkan kedudukan strategiknya bagi membina ekonomi dan masa depan Singapura.

Sesuai dengan penakatan tadi, pengembangan bahasa-bahasa ibunda terbatas. Bahasa Inggeris mula dianggap penting. Namun demikian, kedudukan bahasa Kebangsaan tetap diakui.

Tahun-tahun tujuh puluhan, bahasa Inggeris kian kukuh dan meluas. Pemakaiannya yang meluas ini menghadapi cabaran baru dalam rangka mewujudkan sebuah negara yang beridentiti serta berdiri atas asas budaya yang kukuh dan padu. Walaupun bahasa Inggeris dianggap bahasa penting untuk memajukan ekonomi Singapura namun ia tidak boleh dan tidak mungkin dijadikan asas pembangunan budaya. (lihat Prof. Tham Seong Chee, Bahasa Malayu dalam Abad ke-21, 1990)

Dasar berbilang bahasa dan berbilang budaya terus menjadi teras dan menjadi cabaran dalam pembangunan sosio-politik dan pemupukan nilai-nilai Timur. Dasar Dwibahasa yang telah dilaksanakan pada akhir tahun-tahun enam puluhan adalah usaha untuk memelihara bahasa-bahasa rasmi yang lain (selain Inggeris) dan mengukuhkan identiti budaya setiap kaum.

Dalam hal ini, penekanan terhadap indentiti politik (aspek pembangunan negara yang menitikberatkan pengongsian nilai-nilai politik yang sama) dan identiti budaya (aspek pembangunan negara yang memperakui hak setiap kaum mengembangkan bahasa dan budayanya)

dijadikan tunjang untuk membangunkan ekonomi Singapura, menjadi tunjang kepada dasar pluralisme.

S.Gopinathan (1979) mencatatkan objektif dasar kedwibahasaan dalam sistem pendidikan di Singapura:

- \* *to ensure bilingual competence through the school system so that the divisiveness inherent in a multilingual society may be reduced through increased communication between different language groups.*
  
- \* *to promote the use of English as a neutral language to enable all races to compete equally, as a common language uniting all language groups and finally to enable Singaporeans to use and benefit from the status of English as an international language and as the language of modern communication, science and technology*
  
- \* *to promote the use of mother-tongues to ensure that knowledge of an identification with traditional cultures and its values will prevent deculturalization and alienation.*

Dasar dwibahasa dalam pendidikan ini mendapat perhatian sejak 1959 sewaktu Singapura mendapat taraf berpemerintahan sendiri. Sejak 1960, pembelajaran bahasa kedua diwajibkan di peringkat sekolah rendah dan sejak tahun 1966 pula di peringkat sekolah menengah. Hal ini dilaksanakan akibat haluan pemilihan ibu bapa yang semakin ramai menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris iaitu lebih kurang 49%. Dan saban tahun, kadar pertambahan ini semakin meningkat, sejajar dengan meningkatnya pragmatik dan tindakan realistik masyarakat Singapura terhadap dasar dwibahasa ini. Sehingga dalam tahun 1987, sekolah-sekolah aliran Melayu, Cina dan India terpupus.

Dalam tahun 1979 diperkenalkan Sistem Pelajaran Baru yang menekankan lagi akan pentingnya diperteguh dasar dwibahasa ini, usaha ke arah meningkatkan taraf bahasa kedua (Melayu, Mandarin dan Tamil) sebagai bahasa rasmi negara, sebagai bahasa pemantap budaya. Peruntukan masa kurikulum bagi pelajaran bahasa kedua ini meningkat dengan objektif tamatannya bahawa setiap individu diharapkan dapat menguasai dua bahasa, bahasa Inggeris dan bahasa ibunda; yakni membentuk individu dwibahasa (Bilingual Individual)

### **BAHASA MELAYU SINGAPURA : KINI DAN MASA DEPANNYA**

Bagaimanakah bentuk dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam sistem dwibahasa di Singapura? Bagaimanakah sikap masyarakat Singapura akan bahasanya di tengah-tengah kelangsungan hidup dan penakatan ekonominya? Dan bagaimanakah pula pencapaian para pelajar kita dalam mata pelajaran tersebut? Petikan-petikan berikut memberikan kita sedikit perwajahan.

Haji Muhammad Ahmad (1888) menakrifkan bahawa sesuai dengan cita-cita negara, bahasa ibunda yang dikenal sebagai bahasa kedua itu hidup dan berkembang sehingga bahasa itu mampu digunakan untuk melestarikan tradisi dan budaya, maka sejauh-jauh yang dapat dipertingkatkan bahasa Melayu itu ialah sehingga ia mencapai matlamatnya mengekalkan identiti Melayu. Maka sekiranya pengguna-pengguna bahasa Melayu sudah dapat menggunakan bahasa Melayu yang baik, yang betul seperti yang ditentukan tata bahasa atau perinbahasa, rasanya, matlamat peningkatan penggunaan bahasa Melayu itu sudah tercapai. Ini bermakna, ruang lingkup bahasa Melayu hanya berkisar kepada mengekalkan warisan, tradisi dan budaya Melayu sahaja.

Mohamed Naim Daipi (1988) mencatatkan kehidupan bahasa Melayu di Singapura sejak kebelakangan ini tidaklah segemilang tahun lima puluhan dan enam puluhan. Semenjak ibu bapa Melayu terpicat akan pentingnya menyalurkan anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris sehingga membawa kepada kepupusan sekolah-sekolah aliran Melayu, kehidupan bahasa Melayu tenggelam timbul dalam arus yang mencabar.

Haji Yusof Ahmad (1981) berpendapat adanya semacam 'bendungan jiwa' di kalangan orang Melayu sendiri untuk menyanjung bahasa ibundanya.

Menyentuh tentang penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan para pelajar, Haji Muhammad Ariff Ahmad (1979) berpendapat bahawa kebanyakan mereka bercakap Melayu di rumah; tetapi bahasa yang digunakan di rumah itu bukan bahasa Melayu yang standard. Mereka bertutur secara bercampur aduk, membujur lalu melintang patah. Jadi, apabila mereka dikehendaki berbahasa Melayu yang standard maka setengah-setengahnya terpaksa melahirkan fikirannya dengan bahasa sekolahnya (bahasa Inggeris) kemudian memindahbentukkan (transform) fikiran itu ke bahasa Melayu (bahasa keduanya) pula. Dan, bahasa yang dilahirkan menurut cara di atas itu kelihatan seperti bahasa terjemahan.

Apakah reaksi masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu yang sedemikian ?

- \* Pada tahun 1988, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (kini; Majlis Bahasa Melayu Singapura) dan beberapa buah badan budaya telah menghidupkan semula Bulan Bahasa; kempen untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baku di kalangan masyarakat Melayu. Usaha ini berterusan dan kini, tumpuan kempen Bulan Bahasa kepada Sebutan Baku, tahap akhir proses

pembakuan bahasa yang menyeluruh.

Bulan Bahasa telah meningkatkan kesedaran para pengguna supaya menggunakan bahasa Melayu yang baku.

- \* Pada Feb 1993, dihidupkan semula pergerakan Hadiah Sastera dengan konsep yang lebih luas - memberikan penghargaan kepada penulis dan sekali gus menggalakkan penulisan. Projek yang dinamakan Anugerah Persuratan ini diusahakan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura dan dukungan beberapa buah pertubuhan budaya.
- \* Penubuhan Jawatankuasa Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan yang meninjau pencapaian bahasa Melayu di kalangan pelajar dan menganjurkan kegiatan-kegiatan bercorak ke-bahasaan untuk sekolah-sekolah setempat
- \* Menggalakkan murid-murid bijak (10% pelajar terbaik) menyertai program ML1 (bahasa Melayu pertama) - untuk murid-murid Melayu - sebagai usaha untuk membentuk segolongan pengguna bahasa Melayu yang tinggi dan baku serta program ML3 (bahasa Melayu ketiga) - untuk murid-murid bukan Melayu - sebagai usaha membentuk pemimpin masa muka yang boleh bertutur bahasa Melayu
- \* Menggalakkan murid-murid bijak di peringkat sekolah rendah (sekitar 10% - 15%) mempelajari bahasa Melayu dalam aliran EM1 - dua tahap lebih tinggi dan waktu kurikulum yang melebihi EM2 (bahasa Melayu kedua)
- \* Pelibatan positif yang semakin ketara daripada pihak media untuk menggunakan bahasa Melayu yang baku-baik media cetak, mahupun media elektronik

- \* Penyediaan ruangan di Berita Harian/Minggu (akhbar tunggal) yang menggalakkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan para remaja berinteraksi dan berkomunikasi dalam bentuk penulisan
- \* Penyediaan bahan pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu yang terkini, baku dan canggih oleh Institut Perkembangan Kurikulum Singapura
- \* Semakin cergasnya pertubuhan-pertubuhan menganjurkan dan mendukung kegiatan-kegiatan bahasa, sastera dan budaya
- \* Semakin bertambahnya bahan baca berbentuk novel dan antologi cerpen, baik untuk kanak-kanak atau umum
- \* Adanya kesedaran di kalangan karyawan untuk turut menggunakan bahasa Melayu yang baik
- \* Adanya iltizam bagi pihak media elektronik untuk melaksanakan sebutan baku semua rancangannya (SBC - akan melaksanakan sepenuhnya dalam tahun 1995)
- \* Adanya usaha untuk menerapkan pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu terapan (fungsional) - bahasa tidak diajarkan atau dipelajari secara struktural dalam pembentukan silabus bahasa Melayu terbaru yang akan dilaksanakan pada tahun 1995
- \* Adanya usaha menerapkan pemelajaran dan pengajaran bahasa secara tematik dan tema-tema yang terpilih pula melingkupi seluruh kehidupan - bukan lingkungan kebudayaan sahaja dan sebagainya.



Reaksi-reaksi ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran untuk menggunakan bahasa Melayu yang baku.

Adakah bahasa Melayu di Singapura mempunyai tempat atau peranan terhadap pertumbuhan ekonomi masyarakat Melayu bukanlah menjadi soal. Selagi dasar dwibahasa wujud, bahasa Melayu akan tetap terjamin. Dan selagi wujud masyarakat majmuk Singapura, selagi itulah dasar dwibahasa menjadi pilihan yang wajar bagi Singapura.

Keunggulan bahasa Melayu; penataran dan peningkatannya di tengah-tengah pengutamaan bahasa Inggeris dalam pembangunan politik dan ekonomi negara, terletak kepada penggunaanya. Semakin tingginya iltizam pengguna; bukan sekadar pembakuannya sahaja tetapi kognisinya (pemikirannya), selagi itulah kita dapat mengharapakan pengembangan dan peningkatannya. Apatah lagi penggunaan bahasa Melayu yang semakin meluas di rantau ini.

Usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa dagang di rantau ini sejajar dengan era asia pasifik, usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu, semakin bertambahnya keperluan makanan halal dan sijil halal, semakin bertambahnya iklan dari luar Singapura di media-media berbahasa Melayu, semakin bertambahnya pihak swasta setempat menjual iklannya dalam bahasa Melayu akibat daya beli bangsa Melayu yang bertambah dan Amanah Saham Mendaki, kita mengharapakan peranan bahasa Melayu yang semakin meluas di negara yang kecil ini; di tengah-tengah pengguna yang kecil juga. Insyallah.

---

Hendaklah diajarkan kepada segala kanak-kanak  
bahasa Melayu betul dan halus adanya,  
supaya boleh mereka itu  
berjinak-jinak dengan bahasa dirinya  
supaya jangan mereka itu  
berkacau dan bergaul  
dengan bahasa kacukan  
daripada bangsa-bangsa  
yang banyak berbahasa  
dengan bahasa Melayu

- **ABDULLAH MUNSIFY**

---